



UMS Terima 4,143 Pelajar Baru Sesi 2010/2011

Oleh Sapinah Bt Rahman

Seramai 4,143 pelajar baru Universiti Malaysia Sabah telah mendaftar bagi pengajian Ijazah Sarjana Muda semasa hari mendaftar bermula pada 3 Julai yang lalu. Pendaftaran dijalankan bertempat di Dewan Canselor, UMS.

Daripada jumlah tersebut, 2,615 adalah penuntut aliran Sains, manakala 2,526 penuntut adalah aliran sastera. Jumlah penuntut perempuan pula sebanyak 68 peratus, manakala bakinya 32 peratus lelaki. Kebanyakan pelajar baru ditemani ibu bapa mereka sewaktu hari pendaftaran.

Semasa taklimat ibu bapa yang berlangsung di Laman Graduan, Dewan Canselor, Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah, Brig. Jen. Prof. Datuk Seri Panglima Dr Kamaruzaman Hj. Ampon menerangkan bahawa kemudahan yang disediakan oleh pihak universiti berada pada tahap yang baik untuk menjadikan UMS

sebagai rumah kedua bagi para pelajar. Beliau mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada ibu bapa kerana membimbing anak-anak mereka sehingga berjaya melangkah ke menara gading.

Pelajar kemudiannya mengikuti Minggu Suai Mesra (MSM) selama seminggu, iaitu bermula 5 hingga 10 Julai di Kampus Induk UMS, sebelum penuntut yang mengikuti pengajian di UMS Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) bergerak ke Labuan pada 8 Julai. Pelbagai aktiviti telah dirancang sepanjang MSM ini berlangsung. Antaranya ialah pendaftaran kolej kediaman dan akademik, Majlis Pengenalan Universiti dan Pegawai-Pegawai Utama, Majlis Lafaz Ikrar dan Aku Janji serta Senamrobik bersama Naib Canselor UMS.

